

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : 24 MAC 2015
SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kes denggi di SibU mengikut bulan pada Jun 2014 hingga Februari 2015 dan bandingan dengan waktu yang sama pada tahun 2013-2014. Mengapa Kementerian tidak mengumumkan statistik itu supaya orang ramai boleh berwaspada. .

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2014 iaitu dari bulan Januari hingga Disember, SibU melaporkan sebanyak 1,252 kes denggi dan pada tahun 2013 sebanyak 156 kes. Peningkatan kes denggi di SibU berlaku bermula pada bulan Oktober 2014, di mana kes yang dilaporkan pada bulan tersebut adalah 241 berbanding dengan kes purata bulanan iaitu kurang dari 100 kes sebulan. Bermula dari bulan Oktober 2014 sehingga Januari 2015, kes denggi bulanan yang dilaporkan adalah melebihi 150 kes sebulan. Bagi tahun 2015, kes denggi yang dilaporkan di SibU pada bulan Januari adalah 204 kes dan pada bulan Februari adalah 103 kes.

Di samping menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan berterusan bagi setiap kes, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga berkongsi maklumat terkini mengenai kes, hotspots dan pencegahan denggi dengan masyarakat di *facebook* CPRC Kementerian Kesihatan dan di laman sesawang idengue.remotesensing.gov.my.